

# MENGHARGAI SUMBANGAN PESARA KERAJAAN

UM-24/5/2007

**IBARAT** kata pepatah - orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa - inilah yang seharusnya dirasakan oleh pesara kerajaan yang menerima kenaikan pencen seperti diumumkan semalam.

Kenaikan itu yang jumlahnya disifatkan besar disambut penuh kesyukuran oleh para pesara kerana ia bakal mengurangkan beban kos sara hidup yang semakin meningkat sekarang.

Golongan pesara yang biasa disebut warga emas (setelah memasuki umur 60 tahun) tentulah akan bertindak matang dalam memanfaatkan kenaikan itu dengan melaburkannya untuk meningkatkan kualiti hidup.

Apalah gunanya menjadi emas, jika hidup muram dan terlalu dibebani dengan kongkongan kewangan. Waktu persaraan seharusnya dinikmati dengan penuh keceriaan setelah terlepas daripada tekanan rutin pekerjaan di pejabat.

Memanglah banyak orang yang takut menghadapi masa tua. Ini kerana lumrahnya jika sudah tua, maka fizikal akan makin lemah, makin banyak

penyakit, cepat lupa, penampilan makin tidak menarik dan makin banyak hambatan lain yang membuat hidup semakin terbatas.

Sebab itu, kenaikan pencen yang disifatkan besar - antara 7.5 peratus dan 35 peratus bagi pesara awam manakala antara sembilan peratus dan 42 peratus untuk pesara polis dan tentera - seharusnya digunakan secara bijak.

Ini supaya realiti hidup masa tua dapat dihadapi dengan penuh tanggungjawab dan tidak pula mendatangkan masalah kepada pihak kerajaan.

Melalui sumber kewangan yang bertambah serta faktor kekuatan mental dan fizikal, pesara tentunya akan lebih mudah menyesuaikan diri menghadapi apa jua cabaran masa tua.

Komitmen kerajaan ini seharusnya dihargai kerana sumbangan golongan pesara awam tetap diperlukan untuk membentuk sebuah masyarakat yang sejahtera khususnya di kawasan kejiranan masing-masing.

Sebagaimana semangat kakitangan awam ke-

san daripada kenaikan gaji mereka, golongan pesara juga sepatutnya mempunyai semangat yang sama untuk meningkatkan kesejahteraan diri, keluarga dan masyarakat.

Pengalaman yang 'ditabung' semasa di alam pekerjaan boleh dimanfaatkan untuk kepentingan bersama kerana masa pencen bukan bermakna diri sudah tidak berguna.

Masa tua harus dihadapi secara realiti dan barangkali atas faktor itu, kerajaan memutuskan untuk memberi kenaikan pencen sama dengan jumlah kenaikan kakitangan awam.

Dalam menghadapi masa pencen ini, nasihat Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan semasa mengumumkan kenaikan pencen semalam sangat signifikan.

Kita mesti ingat bahawa hidup ini bukan berdasarkan kepada apa yang kita dapat tapi berapa banyak yang kita simpan.

Justeru, setiap daripada kita mesti menggunakan duit yang ada secara bijak untuk masa depan.